

22 MAY 2003

LEAD Mahathir-Ling/I

PELETAKAN JAWATAN LING AKAN PULIHKAN MCA - DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau percaya peletakan jawatan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik sebagai Presiden MCA akan memperbaiki keadaan dalam parti itu dan memulihkan hubungan antara dua puak yang bertelagah.

MCA menghadapi krisis kepimpinan sejak 14 bulan lepas apabila wujud dua puak dalam parti itu iaitu Team A yang dipimpin oleh Dr Ling dan Team B yang diketuai Timbalan Presiden Datuk Seri Lim Ah Lek.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi Umno hari ini, Dr Mahathir bagaimanapun berkata Dr Ling belum memaklumkan secara rasmi kepada beliau hasrat terbarunya untuk meletakkan jawatan.

"Saya sedang menunggu (Dr Ling memaklumkan peletakan jawatannya)," kata Presiden Umno itu yang juga pengerusi Barisan Nasional (BN).

Dr Ling hari ini memberitahu pemberita di pejabatnya di Putrajaya bahawa beliau telah membuat keputusan untuk meletak jawatan sebagai Presiden MCA setelah menerajui parti itu selama lebih 17 tahun.

Spekulasi mengenai peletakan jawatan sebagai presiden MCA oleh Menteri Pengangkutan itu telah berlarutan sejak dua minggu lepas dan Dr Ling sebelum ini enggan mengulas mengenainya.

Dr Mahathir berkata beliau hanya mengetahui mengenai hasrat Dr Ling meletak jawatan itu melalui media.

Ditanya sama ada Kabinet bersetuju dengan peletakan jawatan Dr Ling, Perdana Menteri berkata terpulanglah kepada MCA untuk menentukannya dan bukan Kabinet.

Mengulas andaian bahawa MCA akan terus menghadapi kemungkinan berpecah sekalipun Dr Ling melepaskan jawatannya, Dr Mahathir berkata "Kita tidak menggalakkan wujudnya puak. BN tidak dapat terima wujudnya dua puak dalam MCA. Kita hanya terima MCA."

Ditanya tentang masa depan Dr Ling dalam Kabinet, Perdana Menteri berkata perkara itu akan beliau putuskan kemudian.

Dr Ling mula mengumumkan hasrat meletak jawatan Kabinet pada 22 Mei, 2000 tetapi dinasihati supaya tidak berbuat demikian oleh Perdana Menteri.

Selepas bercuti panjang, Dr Ling pada 6 Jun, 2000 mengumumkan beliau sedia meneruskan tugas sebagai Menteri Pengangkutan yang telah disandangnya selama 14 tahun (sehingga 2000).

Awal tahun ini, Dr Ling membuat pengumuman bahawa beliau telah meletakkan jawatan sebagai Menteri Pengangkutan dalam sepucuk surat tanpa tarikh yang diserahkan kepada Perdana Menteri Ogos tahun lepas.

-- BERNAMA

HK MFJ MOZ